

# BULETIN PESARA

## Suara Persatuan Pesara Universiti Kebangsaan Malaysia

Bil. 9 (2), Disember 2019

No. Pendaftaran PPM 017-10-22092010

### MINDA PENGERUSI



Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT, Persatuan Pesara Universiti Kebangsaan Malaysia dapat bergerak dengan baik. In Sya Allah dengan daya fikiran dan tenaga yang sihat yang diberikan oleh Allah SWT, saya akan cuba sedaya upaya untuk membawa persatuan ini maju ke hadapan bagi membela para pesara yang terus berbakti mengangkat nama Universiti Kebangsaan Malaysia menjadi sebuah universiti tersohor. Justeru usaha gigih para pesara sejak ditubuhkan hingga kini tidak wajar dilupakan.

Ada dua perkara yang ingin saya sampaikan dalam cetusan minda Pengerusi keluaran Buletin kedua sesi 2019/2020 ini. Pertama, saya mengucapkan terima kasih kerana kesudian Naib Canselor UKM, YBhg Prof. Ir. Dr. Mohd. Hamdi bin Abdul Shukur dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat YBhg. Prof. Dato' Dr. Imran Ho Abdullah yang sudi menerima rombongan kami, Ahli Jawatankuasa Persatuan Pesara sambil mengadakan perbincangan mesra dan berkenal-kenalan bagi mengeratkan hubungan silaturahim. Perbincangan yang berjalan dengan penuh mesra antaranya: memperkuatkan matlamat UKM ditubuhkan terutama memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang boleh disesuaikan dengan persekitaran yang amat mencabar ketika ini. Selain itu Persatuan Pesara juga menyokong semua langkah yang diambil oleh pihak Pengurusan Universiti untuk meningkatkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran supaya graduan UKM boleh bersaing bukan sahaja pada peringkat negara malahan juga peringkat antarabangsa. Seterusnya kepakaran ahli-ahli Persatuan Pesara boleh dikenal pasti untuk membantu Universiti dan fakulti jika diperlukan untuk menyampaikan kuliah, syarahan, penyeliaan pelajar pra/pasca sarjana serta kegiatan penyelidikan. Akhir sekali, pihak Persatuan Pesara bersetuju untuk mengelolakan dana yang disalurkan oleh Kerajaan melalui Program Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Oleh yang demikian saya selaku Pengerusi mewakili Persatuan Pesara UKM, ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Prof. Naib Canselor dan pengurusan tertinggi UKM, kerana sedia bersama membincangkan isu-isu untuk meningkatkan imej universiti yang dicintai, yang sentiasa mekar dalam hati sanubari setiap pesara.

Kedua, pada tahun hadapan Mei 2020, UKM akan menyambut Jubli Emasnya. Usia UKM akan menginjak ke 50 tahun dan bersempena itu pihak UKM akan mengadakan upacara sambutan 50 tahun penubuhan UKM. Dalam usia separuh abad sebagai sebuah institusi pendidikan, UKM telah menghasilkan ribuan graduan daripada peringkat pra dan pasca

siswazah dalam pelbagai bidang yang sekarang telah dan sedang berusaha membantu pembangunan sebuah negara Malaysia. Kita berasa bangga kerana para graduan ini berada di mana-mana sahaja sektor pekerjaan – kerajaan, swasta dan ada yang membangunkan perniagaan sendiri. Sesuai dengan MOTO UKM : MENGLHAM HARAPAN, MENCINTA MASA DEPAN dan VISI UKM : UKM BERTEKAD MENJADI UNIVERSITI TERKEHADAPAN YANG MENDAHULUI LANGKAH MASYARAKAT DAN ZAMANNAH BAGI MEMBENTUK MASYARAKAT DINAMIK BERILMU DAN BERAKHLAK MULIA. Dalam menginjak usia 50 tahun, UKM tidak pernah sunyi dari kejayaan demi kejayaan dan tidak kurang juga onak dan duri. Siapa sangka, di awal penubuhannya yang banyak rintangan termasuklah tentangan dari pelbagai pihak berlaku kerana bagi mereka adalah mustahil bagi sebuah universiti kebangsaan yang memartabatkan Bahasa Melayu terus berdiri gagah dengan universiti-universiti lain sehingga kini. Penubuhan UKM adalah kesinambungan dari gagasan dan pengorbanan pejuang-pejuang bangsa yang ingin melihat anak bangsa maju dan terkedepan dalam pelbagai bidang ilmu. Justeru itu kami para pesara juga ingin memberikan sumbangan yang berterusan dalam upacara sambutan ke 50 UKM, sebagai tanda cinta sejati kami kepada institusi ini.

Syukur Alhamdulillah satu perbincangan bersama antara AJK Persatuan dengan AJK Sekretariat Jubli Emas UKM, yang telah berlangsung pada 21 Oktober 2019 yang lalu telah bersama membincangkan peranan dan sumbangan yang boleh di ketengahkan oleh Persatuan Pesara dalam upacara gilang gemilang itu nanti. Aktiviti yang boleh disumbangkan antaranya seperti ingatan semula falsafah penubuhan UKM pada 1970. Pengisian ini boleh disampaikan oleh para pesara (akademik/bukan akademik) yang dipilih, sebagai ingatan kepada kakitangan dan pelajar generasi sekarang. Beberapa cambahan minda dan pelbagai aktiviti lain yang dirasakan sesuai oleh pihak Sekretariat, Persatuan Pesara akan sedia turut serta.

Daripada kedua-dua isu yang dinyatakan di atas, ternyata sekali Ahli Persatuan Pesara sentiasa ingin memberi sumbangan berterusan kepada Universiti yang sangat kami cintai, bukan sahaja tempat kami mendapatkan sumber rezeki malahan juga tempat mengembangkan kerjaya yang merupakan modal insan utama memajukan UKM dan negara.

Terima Kasih

**Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Anuwar Ali  
Pengerusi**

<b>Sidang editor Buletin</b> <i>Dr Misran Rokimin</i> <i>Abd. Raai bin Osman</i> <i>Encik Othman Ahmad</i> <i>Puan Rosenaini@Rusnaini A. Saman</i> <i>Puan Salmah Kasmani</i>
--

## Laporan Melancong ke Jogjakarta: Kota Budaya dari 22 – 25 September 2019



Kami menjelaskan kaki di Bandara Adi Sutjipto, Jogjakarta setelah berada hampir 2  $\frac{1}{2}$  jam dalam pesawat Air Asia AK346. Pesawat meninggalkan KLIA2 jam 9.30 pagi, perbezaan waktu antara Malaysia dan Jogjakarta selama sejam lebih awal. Justeru rombongan kami sampai lebih kurang pukul 11.30 pagi.

Setelah menikmati hidangan tengah hari di restoran Padang; Kawan Lamo, kami terus dibawa ke Keraton (istana) Sultan Hamengkubuwono' (sekarang Sultan Hamengkubuwono X) Keraton lama itu dibina pada tahun 1756, menjadi salah satu pusat pelancongan di Kota Budaya ini. Setelah membayar 5,000 Rupiah seorang, kami dipandu oleh seorang **Abdi Dalem** (pekerja Keraton) ke Museum Kereta (sebenarnya kereta kuda). Sebanyak 23 buah kereta kuda istana yang berbagai bentuk dan warna disimpan di Museum itu. kebanyakan kereta itu dibeli dari negara Belanda dan United Kingdom. Ada yang dibeli pada abad 19 dan semuanya dijaga dengan rapi. Kudanya dijaga di tempat khas. Kereta-kereta itu digunakan semasa perayaan-perayaan seperti meraikan kedatangan tetamu negara atau upacara pelantikan Sultan. Kereta-kereta kuda tersebut akan membawa anak-anak, isteri-isteri Sultan, dan Sultan akan menggunakan kereta khas diberi nama Kereta Kencana. Sultan Jogjakarta merupakan pemilik tanah yang luas pada masa ini dan kaya raya.

Kami juga dibawa melihat pameran lukisan-lukisan di sebuah studio khas mempamerkan lukisan dan menjualnya untuk membiayai pelajaran anak-anak **Abdi Dalem**. Para pekerja keraton yang bekerja di Keraton secara turun temurun. Kehidupan mereka dibiayai Sultan tanpa mendapat gaji yang tinggi. Ada juga di antara kami membeli sebuah lukisan sambil bersedekah sebagai kenang-kenangan.

Oleh kerana kawasan Keraton ditutup jam 2.00 petang, kami dibawa ke hotel Ibis untuk *Check In*. Hotel Ibis ini terletak di jalan Maliaboro. Setelah *check in* dan bersolat Jama' Zohor dan Asar (Jama' Taqdim), kami mengambil peluang ke Jalan Maliaboro yang terkenal sebagai pusat membeli belah yang sangat meriah. Ramai di antara kami membeli baju batik yang begitu banyak pilihan dari segi motif dan warnanya. Kemerahan Jalan Maliaboro pada petang Ahad itu diserikan dengan deretan kereta kuda atau Andong yang menunggu para penumpang. Kami berazam untuk naik Andong sebelum pulang nanti. Oleh kerana masuk waktu Maghrib jam 5.40 pm. kami terpaksa pulang ke hotel kerana hari pun bertambah gelap.

Hari ke 2, kami melawat Borobudur salah satu objek keajaiban dunia. Perjalanan dari Jogjakarta lebih kurang 1 jam 30 minit. Sepanjang jalan kami melihat guna tanah



pertanian yang ditanami padi, jagung, lada/cili dan salak. Borobudur merupakan kuil Budha terbesar di dunia tersenarai sebagai *World Heritage* (warisan dunia) ke 592 itu dibina pada abad ke 8. Borobudur itu bertingkat-tingkat menjadi tumpuan

pelancong dari seluruh dunia. Disebabkan kami semua terdiri daripada warga emas, tidak mampu naik ke tingkat tertinggi hanya setakat tingkat bawah sahaja. Dinding Borobudur dihiasi dengan ukiran batu tentang kisah Ramayana dari tingkat bawah hingga ke kemuncaknya.

Lama juga kami berada di kawasan Borobudur yang sangat luas sambil memberi makan rusa-rusa di suatu kawasan taman dengan kangkung yang ada dijual di situ.

Dalam perjalanan pulang kami singgah di kaki gunung Merapi yang kali terakhir meletus pada 5 Disember 2010. Perjalanan dari Borobudur ke kampung Kinahrejo di kaki gunung Merapi hampir dua jam melalui kawasan pedesaan dengan sawah padi yang terhampar hijau dan ada yang menguning. Puncak gunung Merapi tidak kelihatan kerana diliputi kabus.

Rombongan kami sampai di Desa terpencil itu setelah melalui jalan desa yang sempit; untuk melihat rumah Embah Maridjan yang meninggal dunia ketika gunung Merapi meletus pada jam 12.05 tengah hari pada 5 Disember 2010. (bagi masyarakat yang tinggal di sekitar Gunung Merapi ini, Embah Maridjan dianggap dukun yang boleh menyelamatkan mereka daripada bencana tersebut. Tapi malangnya pada hari tersebut dia terbunu akibat letusan lahar panas gunung tersebut. Untuk sampai ke tempat tersebut kami terpaksa menaiki jeep (*4 wheel drive*) dengan bayaran 350,000 Rupiah, bermakna kami membayar 70,000 Rupiah seorang dan diberi sehelai topeng muka. Jalan kecil ke Mini Museum dan rumah Mbah Maridjan dipenuhi batu kerikil menyebabkan kami semua terpaksa berhimpit-himpit dalam jeep.

Di Museum Mini dengan *tagline*, "Sisa Hartaku", kami melihat berbagai tinggalan letusan gunung Merapi seperti alat dan perkakas rumah, kereta malah tulang-tulang rangka lembu. Sungguh memilukan! Memang banyak nyawa melayang termasuk beberapa orang wartawan yang gambarnya diabadikan di Museum itu. Di bekas (Petilasan) rumah Mbah Maridjan ditunjukkan tempat beliau meninggal dunia dalam posisi sujud . Beliau berdoa semoga Merapi tidak meletus tetapi ternyata kekuasaan Allah maha besar. Banyak gambar kenangan tentang kawasan bencana alam itu dipamerkan di Mini Museum, di rumah Mbah Maridjan dan di dataran khas di kampung itu. Kami pulang dengan membawa penuh rasa keinsafan, kerana di negara kita bencana gunung Merapi dan gempa bumi tidak ada.

Hari ke 3, kami ke Solo yang mengambil masa lebih kurang 2 jam 15 minit perjalanan dari Hotel Ibis. Sebelum ke Solo yang terkenal sebagai pusat pembuatan batik, kami singgah sebentar di Keraton untuk melihat persembahan tarian khas Jogjakarta. Agak sedikit kecewa, kerana apa yang dipersembahkan hanya permainan gamelan di sebuah pentas khas dalam kawasan keraton yang luas itu. Terdapat ramai pelancong luar dan anak-anak sekolah tempatan berada di kawasan keraton. Kemudian kami berangkat ke Solo setelah ternyata tiada persembahan tarian tersebut.

Sepanjang jalan kami melalui kota-kota kecil seperti Sleman, Kelaten, Bayolaly dan kawasan pedesaan yang ditanami jagung, padi dan cili padi yang melaut luasnya. Di kota Solo kami singgah di dua buah kedai besar menjual batik iaitu batik Soga di Laweyan. Batik *brand* ini dijual dalam berbentuk seperti baju lelaki, wanita dan kanak-kanak. Terdapat juga sebagai alat

kegunaan rumah tangga seperti alas meja, sampul kusyen dan bantal. Di sebuah kedai batik yang satu lagi, mungkin kepunyaan kerabat Ibu Mooryati seorang tokoh usahawan kosmetik **Mustika Ratu** yang merupakan keturunan Raja Keraton Surakarta Hadiningrat. Gambar raja-raja itu terletak di hadapan kedai. Di beranda kedai itu terdapat beberapa orang wanita yang mencanting batik. Batik-batik yang dijual mempunyai corak dan motif yang cantik dan eksklusif. Tetapi kami hanya menikmati kecantikan batik-batik itu saja kerana telah banyak membeli batik di kedai batik Soga sebelumnya. Kami pulang ke hotel petang itu dengan penuh kenangan manis.

Sementara itu golongan lelaki berpeluang bermain golf di 3 buah padang golf yang terdapat di sekitar Jogjakarta. Pada hari pertama, bermain di Kelab Golf Adi Sudjipto yang hampir dengan lapangan terbang Adi Sudjipto. Hari kedua bermain di Kelab Golf Borobudur dan pada hari ketiga bermain di Kelab Golf Merapi yang berlatarbelakangkan Gunung Merapi. Ketiga-tiga padang golf ini bertaraf antarabangsa. Pemerintah Indonesia sememangnya membina padang golf yang cantik dan bertaraf antarabangsa sebagai satu tempat tarikan pelancong seluruh Asia terutama dari Jepun, Korea, Malaysia, Singapura dan Thailand.

Terasa masa berjalan terlalu cepat kerana esok iaitu 25 September 2019 kami akan terbang pulang ke Malaysia, dengan harapan mungkin umur panjang Jogjakarta perlu dikunjungi lagi dan waktu itu untuk naik andong juga!

Terima kasih.

Laporan disediakan oleh:

Dr. Rosnah Baharudin

14 Oktober 2019

---

## **IKLAN**

*Sidang editor buletin mengalaukan sumbangan sebarang artikel yang bersesuaian daripada ahli Persatuan untuk diterbitkan di dalam buletin-buletin yang akan datang.*

*Walau bagaimanapun sebagai makluman artikel-artikel tersebut akan ditapis terlebih dahulu oleh sidang editor sebelum boleh diterbitkan.*

*Untuk tujuan tersebut, ahli boleh hubungi:*

*Dr. Misran Rokimin  
0133542787  
dr.misran@gmail.com*

*Salmah Kasmani  
0123755899  
Salmah.kasmani@gmail.com*

## NOSTALGIA

### AI AI CHIEF

*WARDI AHMAD; UKM(PER)083*

*Tarikh Lahir 25 Dis., 1945 Tempat Perak*

*Tarikh mula berkhidmat di UKM – 4.5.1970*

*Jawatan : Kerani*

*Bersara 25.12.2000*

*Anugerah : Anugerah Perkhidmatan 20, 25 dan 30 tahun dan Anugerah Cemerlang.*

*Perkhidmatan terakhir : Jabatan Bendahari*

*Keluarga : isteri Ezan binti Noon (pesara UKM) mempunyai 3 orang anak.*

Kenangan manis semasa di  
Kampus Jalan Pantai Baru

Setiap waktu makan tengah hari akan berada di ODT bersama rakan-rakan lain yang boleh bermain gitar untuk menyanyi. Kakitangan lain akan menjadi penonton (yang terdiri daripada kakitangan) dan yang berbakat menyanyi akan turut ke pentas untuk menyanyi

Kegemaran

Bermain gitar, menyanyi serta mengumpul gitar

### Terbit Gelaran CHIEF

Semasa temu duga Tan Sri Abdullah Mohd. Salleh (Pendaftar)	Ni kalau dapat jawatan ini nanti nak tinggal kat mana?
Wardi	Belum tau tuan
<b>Semasa Melapor diri</b>	
En. Yussof Ahmad (Penolong Pendaftar)	Dah ada tempat tinggal?
Wardi	Belum cari tuan
En. Yussof Ahmad	Ok kalau nak ni ada satu unit bilik di bawah Kolej Kediaman belakang blok pentadbiran ni ada kosong untuk orang-orang bujang, kalau awak nak boleh tinggal di situ.
Wardi	Boleh tuan
Maka tinggallah Wardi di bilik bawah kolong, bawah Kolej Kediaman itu dengan beberapa kakitangan bujang lain seperti Musa Alias, Halim Omar, Mr. Bowers dll.	
Musa Alias	Bang, kami panggil abang CHIEF lah senang.
Wardi	(senyum) boleh je

Maka sejak hari itu, Musa Alias pun ke mana pergi akan memanggil Wardi dengan CHIEF dan diikuti oleh kakitangan lain. Di kalangan kakitangan UKM pada masa itu mereka memanggil Wardi CHIEF. Gelaran ini juga jadi ikutan beberapa pegawai UKM yang lain. Panggilan CHIEF itu kekal hingga ke hari ini.



Gambar-gambar semasa  
lapor diri dan mula bertugas



Bersama dengan gitar kesayangan



Gambar sekarang, bersama rakan-rakan dan isteri tersayang.

## **PEMANDU BUS UNIVERSITI KEBANGSAAN YANG PERTAMA**

**KHAMIS KASIM; UKM(PER) 020**

*Tarikh Lahir 27 Ogos 1936 . Lahir di Muar tetapi dibesarkan di Melaka*

*Tarikh mula berkhidmat di UKM – 2.2.1970*

*Jawatan : Pemandu*

*Bersara : 27.9 1991*

*Keluarga : isteri Khatijah Ismail (suri rumah sepenuh masa), mempunyai 7 anak*

Siapa tak kenal En. Khamis, atau lebih mesra abang Khamis. Tanyalah daripada kakitangan dan pelajar pada zaman itu yang ada sekarang. Pemandu bas pertama di Universiti Kebangsaan Malaysia, masa itu di kampus Jalan Pantai Baru. Bas UKM yang pertama BY 30, beliaulah pemandunya.

Orangnya peramah, sentiasa tersenyum. Ukuran badan dan rupanya dari dulu hingga sekarang (berumur 84 tahun semasa artikel ini ditulis) tidak banyak berubah. Senang bergaul dan sentiasa dengan “humor”. Beliau disenangi oleh semua pelajar dan kakitangan. Tanyalah apa peristiwa bersejarah yang berlaku di UKM tatkala penubuhan dari peristiwa demonstrasi pelajar mengenai AUKU pada masa itu Perdana Menteri Malaysia YB Tun Abdul Razak dan Menteri Pelajarannya Tun Mahathir Ahmad, membawa kepada peristiwa-peristiwa lainnya.


Apakala ditanya apakah kenangan manis sepanjang berkhidmat di UKM? Beliau spontan berkata semuanya manis belaka kepada beliau, kenangannya berkhidmat bersama UKM tidak pernah pudar dan padam sehingga ke hari ini dan sentiasa merindui zaman-zaman itu.

Keakraban serta ukhuwah beliau dengan pelajar dan kakitangan pada masa itu tidak boleh disangkal. Tambahan ke mana rombongan pelajar dan kakitangan pergi dengan menggunakan bas UKM, tidak lengkap jika pemandunya bukan ABANG KHAMIS.

Keramahan beliau menjadikan keakraban beliau dengan rakan setugas dan pelajar tetap utuh dan berterusan hingga ke hari ini.



Di atas bas pertama UKM BY 30. Besama kakitangan rombongan ke Pantai Morib 1972



Bersama kakitangan ke rombongan Melaka (1971) (gambar 1) dan bersama rombongan kakitangan ke Pulai Pangkor 1971 (gambar 2). Gambar 3 di Pantai Port Dickson (1970), di sebelah kanan beliau Sdr. Wardi Ahmad.  
Gambar-gambar 1-3 ehsan daripada album Sdr. Wardi Ahmad

Menerima sumbangan  
daripada Pengurus,  
Persatuan Pesara UKM di  
Majlis Sambutan Hari Raya  
Persatuan 2018 di Dewan  
Gemilang, UKM



## ORANG PUTEH KE?

**ABU HASHIM ABDOL GHAPAR**

*Lahir 21 Dec 1950 di Kg Telok Panglima Garang, Klang  
UKM(PER) 409*

*Mula berkhidmat 1.8.1971*

*Tarikh bersara 21.12.2006 +2 + 2 - 2009*

*Jawatan terakhir : Pendawai Letrik*

*Anugerah : perkhidmatan 20 tahun dan Anugerah Perkhidmatan Terpuji.*

*Keluarga : Isteri : Sabiah Mohd.Noh ; Pesara UKM 2011. Mempunya 5 anak 4 lelaki 1 perempuan serta 7 cucu.*

Siapa kenal atau biasa dengar nama Abu Hashim Abdol Ghapar?.

Di kampus Jalan Pantai baru ada seorang Penjaga Jentera berbangsa Inggeris (telah meninggal) dan semasa melaporkan diri Abu Hashim ditawarkan jawatan Pendawai Letrik. Masa itu beliau merupakan pembantu kepada Mr. Bowers. Semasa bertugas, ke mana pergi mereka ini selalu berdua. Di mana ada Mr. Bowers adalah Hashim, ada Hashim adalah Mr. Bowers. Mungkin pada masa itu ada beberapa nama Hashim, jadi untuk lebih dikenali maka Abu Hashim Abdol Ghapar di panggil **HASHIM BOWERS** dulu, kini dan selamanya.




Dari Kiri : Mr. Bowers (mendiang); Sabli Ibrahim, Mokhtar Hassan; Abu Hashim Abdol Ghapar (Hashim Bowers).



Kedua-dua gambar di atas, ehsan daripada album Sdr. Wardi Ahmad



← Bersama isteri tersayang



## CATATAN RINGKAS

### Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)

Pejabat Yayasan Canselor telah menubuhkan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) bagi mengadakan aktiviti-aktiviti untuk warga emas di UKM. YBhg. Dato Dr. Mohd. Wahid Samsudin (Timbalan Pengerusi Persatuan Pesara UKM) telah dilantik sebagai Pengerusi. YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd. Hamdi Abd. Shukor (Naib Canselor UKM) sebagai Penaung; Prof.Dato'; Dr. Imran Ho Abdullah (Timbalan Naib Canselor, Jaringan Industri dan Masyarakat UKM) sebagai Penasihat 2 dan Prof. Dr. Suzana Shahar (Pengerusi HCRC, UKM) sebagai Penasihat 2. Baru-baru ini PAWE telah menerima bantuan kewangan sejumlah RM10,000.00 bagi memulakan pengintegrasianya.

---

### Anugerah Tokoh

Beberapa orang pesara UKM telah dianugerahi oleh negara hadiah tokoh kerana jasa mereka yang berterusan menyumbang jasa bakti kepada negara dalam bidang masing-masing. Pada 21 September 2019 (Sabtu), Dr. Siti Zainon Ismail (PP0272) telah dianugerahkan Sastera Negara ke-14 oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong AL-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Ai-Musta'in Billah di Hotel Istana, Kuala Lumpur. Pada 30hb. Oktober 2019, Prof Emeritus Tan Sri Dato Dr. Zakri Abdul Hamid telah di anugerahkan Tokoh Akademik Negara ke-13 sempena Majlis Anugerah Akademik Kebangsaan 2019, Kementerian Pendidikan.

---

### Pelantikan

Seluruh warga Persatuan Pesara UKM mengucapkan setinggi tahniah di atas pelantikan Pengerusi, Persatuan Pesara UKM Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Anuwar Ali yang dilantik sebagai Canselor, Universiti Cyberjaya berkuat kuasa 15 Nov., 2019.

---

### Perayaan Jubli Emas UKM Mei 2020

Universiti Kebangsaan Malaysia akan merayakan Ulang tahun Jubli Emasnya pada Mei 2020. Beberapa acara telah dan sedang dirancang oleh pihak pengurusan UKM. Persatuan Pesara UKM juga akan terlibat dengan beberapa acara yang masih dalam perancangan.

### Kunjungan Hormat dengan Naib Canselor UKM

Beberapa orang Ahli Jawatankuasa Persatuan Pesara dan Penasihat, telah membuat kunjungan hormat dengan YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd. Hamdi Abd. Shukor (Naib Canselor UKM) pada 30.9.2019. Tujuannya selain daripada memperkenalkan Persatuan kepada beliau, perjumpaan juga dapat meluangkan masa bertukar-tukar fikiran dan beramah mesra. Perbincangan juga membincangkan aktiviti-aktiviti dua hala antara Pengurusan UKM dan Persatuan.

---

### Golf Amal Persatuan PESARA UKM (Terbuka)

Persatuan Pesara UKM akan mengadakan pertandingan Golf Amal (terbuka) bermain sambil beramal pada 24hb. November 2019, Ahad bermula pukul 7.30 pagi bertempat di Kelab Golf Danau UKM.

Penyertaan terbuka kepada ahli Persatuan dan tidak ahli. Aktiviti ini merupakan salah satu aktiviti yang bertujuan bagi menambahkan peruntukan untuk kebajikan ahli Persatuan yang



memerlukan seperti sakit, ditimpa musibah, kematian dll yang berkaitan. Selain daripada yuran penyertaan beberapa sumbangan berupa wang ringgit dan material daripada pihak yang bermurah hati juga dialu-alukan. Seramai lebih kurang 74 orang peserta menyertai aktiviti ini.



## **ZIARAH, KUNJUNGAN KASIH**

### **Ahli yang meninggal dunia**

- Allahyarham Dato' Dr. Ariffin Ngah Marzuki yang telah berpulang kerahmatullah pada 17 Ogos 2019
- Allahyarham Tuan Hj. Mohd. Ghazali Hj. Abbas (PP0100) berpulang kerahmatullah pada 26.5.2019
- Allahyarham Tuan Hj. Syed Othman Thani bin Syed Omar Fadaak (PP0067) berpulang kerahmatullah pada 4.7.2019
- Allahyarham Dr. Harun bin Ngah Mat Piah (PP0064) berpulang kerahmatullah pada 10.9.2019.

### **Kunjungan kasih kepada ahli yang uzur**

- Dr. Mahamod Ismail (PP0423)
- Hajah Mahani bt Mohamad Yatim (PP046)
- Hajah Hatijah Mohd. Dewa (PP048)
- Hajah Anjang Doyah Noor Din (PP012)

- Hajah Zahara bt Mahmood (PP0127)
- Dr. Zulkifli Senteri (PP0263)
- Sdr. Raden Samah (PP0093) pada 13 Dis., 2019
- Hajah Zainab Kamaruddin (PP0112) pada 13 Dis., 2019

### **Kunjungan kasih kepada pesara/keluarga ahli/bukan ahli yang meninggal dunia**

- Keluarga Tuan Hj. Md. Zahir Kechot yang telah berpulang kerahmatullah pada 7 Nov., 2019
- Keluarga Hj. Jailani (kematian isteri) (4/11/2019)
- Keluarga Allahyarham Dr. Haron Md. Piah (12/9/2019)
- Keluarga Allahyarham Saiful Bahri Jasman Hakim (14/10/2019)
- Keluarga Allahyarham H. Ghani Abu Bakar (26/10.2019)
- Puan Aziah Mohd. Shariff (yang kematian suami dan anak lelakinya) pada 21/3/2019)
- Keluarga Allahyarham Dr. Othman Omar (19/2/2019)
- Keluarga Allahyarhamah Dr. Sharifah Mastura Syed Abdullah yang telah berpulang kerahmatullah pada 29 Nov., 2019.

### **Kunjungan kasih kepada pesara UKM (bukan ahli)**

- Dato Dr. Sharifah Mastura Syed Abdullah (7/10/2019)
- Tuan Haji Mu Ahmad Nasir (7/10/2019)
- Tuan Hj. Ghani Abu Bakar (2/10/2019)
- Dato Dr. Ariffin Aton pada 17 Ogos 2019
- Dr. Rugayah Hj. Tibek pada 13 April 2019

### DI RANAH GEMBALA LAMA

Di ranah gembala lama  
 Si biri-biri tua meragut rerumput tua juga  
 sisa hujan pagi masih merintik  
 matahari baru bersinar cantik.

Ia hairan  
 Ke mana pergi biri-biri muda  
 jauh memilih padang rerumput baru  
 tidak menjejak lagi ke kebun rerumput tuaku  
 yang masih berpucuk baru  
 ia sendirian meragut rumput  
 mencelah di gigi rompongnya  
 ya aku sudah tua

kehilangan anak dan cucunda  
 ladang rerumput ku juga tidak disapa  
 ya padang rerumput jauh di timur gunung  
 tidak lagi dikunjungi biri-biri muda.

Jauh di balik bukit se belah barat gunung  
 terhampar padang rerumputan baru  
 segar hijau melimpah  
 berduyun biri-biri muda bergaya  
 menari dan bernyanyi  
 dalam pesta hujung tahun  
 di ranah segar rerumput milik tuan baru.

Tiba-tiba ditakdirkan Ujian Ilahi  
 bumi menampung gunung bergegar  
 angin taufan Disember meruntuhkan batu-batu gunung  
 taufan mabuk merubah wajah padang rerumput  
 ditimbuni rekahan batu menutup seluruh bumi  
 tujuh hari berlalu, pecahan batu gunung terus bergegaran  
 jatuh melanting menimbuni bumi  
 menghilang warna hijau segar pucuk baru  
 padang rumput yang dibanggakan  
 terkatup menjadi gunung batu baru  
 di bawahnya biri-biri muda tercungap  
 perih kelaparan lemah tidak bermaya  
 juga bertebaran tidak bernyawa

Ya Rabbi  
 lindungi anak cucu cicit kami  
 dengan ujian duga oleh kesombongan sendiri.

Disember 2019  
 Dr. Siti Zainon Ismail  
 Sasterawan Negara ke-14